



MAKLUMAT JAWATAN DAN SYARAT LANTIKAN

1. Jawatan/Gred : **PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1**
2. Klasifikasi Perkhidmatan : **KEMAHIRAN**
3. Kumpulan Perkhidmatan : **PELAKSANA**
4. Penempatan : **DBP IBU PEJABAT/DBP HULU KELANG/CAWANGAN/WILAYAH**

5. Jadual Gaji (sebulan) :

Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
1,500.00	4,680.00	100.00

Imbuhan Tetap Khidmat Awam: RM115.00

Imbuhan Tetap Perumahan: RM300.00

Bayaran Imbuhan Sara Hidup: RM350.00

***Bayaran Imbuhan Wilayah: RM270.00**

***Bayaran Imbuhan Perumahan Wilayah: RM200.00 – RM730.00**

Nota:

*tertakluk kepada wilayah asal pemohon dan perlu isytihar wilayah asal.

6. Syarat Lantikan :
- Warganegara Malaysia.
 - Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh akhir iklan jawatan.
 - Kelayakan dan gaji permulaan:
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan Gred H1: RM1,500.00); atau
 - Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan Gred H1: RM1,500.00); atau
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan Gred H1: RM1,561.00); atau
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan Gred H1: RM1,622.00)

Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan/Pengendalian Jentera)

- Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]
 - Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan.
7. Syarat Tambahan : Keutamaan kepada calon yang mempunyai syarat-syarat seperti yang berikut:
- Mempunyai Lesen Memandu Vokasional (*Goods Driving License – GDL*) yang sah.
 - Sihat tubuh badan dan tidak mempunyai masalah kesihatan yang boleh menjejaskan tugas harian (seperti *slipped disc*/masalah lutut/lelah dan semput dan lain-lain yang berkaitan)
8. Syarat Kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil Terbuka/Sijil Vokasional Malaysia(SVM)
- **SPM**
 - i. Calon hendaklah memiliki dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan SPM; atau
 - ii. Dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan SPM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.
 - **SVM**
 - i. mata pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104) di peringkat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C); dan
 - ii. kelayakan SVM dalam bidang berkaitan mengikut syarat skim perkhidmatan.
9. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
10. Ringkasan Tugas : Pembantu Khidmat Am bertanggungjawab melaksanakan skop tugas berkenaan pengurusan dokumen dan memberi sokongan operasi serta memastikan pengurusan pejabat agar berjalan dengan lancar. Pembantu Khidmat Am juga bertanggungjawab bagi urusan pemanduan dan penyelenggaraan semua jenis kenderaan mengikut keperluan agensi masing-masing. Selain itu Pembantu Khidmat Am bertanggungjawab bagi urusan pengendalian jentera statik mengikut perundangan/peraturan yang berkuat kuasa.